

## “NILAI DAN KEFAHAMAN SEBAGAI MEDIUM TRANSFORMASI POLA PENGUNDIAN DALAM PILIHAN RAYA”

### “VALUE AND UNDERSTANDS AS TRANSFORMATION MEDIUM VOTING PATTERN ON ELECTION”

**Siti Shariyah Shaari<sup>1</sup>**  
**Junaidi Awang Besar<sup>2</sup>**  
**Mohd Fuad Mat Jali<sup>3</sup>**  
**Wardatul Aishah Musa<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Calon PhD, Jabatan Geografi, FSSK, UKM

Student Development Section, UNIKL MIIT. sitishariyah@unikl.edu.my

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan Geografi, FSSK, UKM. jab@ukm.edu.my

<sup>3</sup>Dekan FSSK, UKM. fuad@ukm.edu.my

<sup>4</sup>Student Development Section, Universiti Kuala Lumpur (MIIT). wardatulaishah@unikl.edu.my.

*Accepted date: 22-07-2018*

*Published date: 15-12-2018*

*To cite this document:* Shaari, S. S., Besar, J. A., Jali, M. F. M., & Musa, W. A. (2018). Nilai dan Kefahaman Sebagai Medium Transformasi Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (12), 59-70.

---

**Abstrak:** Faktor pemilihan pengundi adalah elemen penting dalam rangka penentuan keputusan dalam pilihan raya. Menjelang pilihan raya umum ke-14, pola sokongan ke atas parti didasari oleh budaya politik semasa. Pengundi terdedah kepada ruangan media sosial yang cuba merakytakan maklumat menerusi pemain politik maklumat siber. Wadah demokrasi yang terbuka luas ini boleh mengundang sentimen dan pertikaian kesahihannya. Sehubungan itu, kajian ini akan menghuraikan kepentingan dan tahap pengundi terhadap nilai dan kefahaman yang jelas dalam proses pengundian menjelang PRU-14. Kertas kerja ini menggunakan kajian kepustakaan yang menumpukan kepada nilai bukan kebendaan menerusi Teori Negara Ideal oleh pemikir Islam iaitu Al-Farabi dan Model Pendidikan Politik sebagai pra-syarat mencapai tahap politik matang dan kajian kuantitatif ke atas pengundi di negeri Kelantan dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science. Dapatan kajian ini mencadangkan, nilai-nilai agama diterapkan lebih terperinci dalam semua lapangan dan pendidikan politik diterapkan kepada semua warganegara secara meluas.

**Kata Kunci:** Nilai, Kefahaman, Pola Pengundian, Pilihan Raya, Teori Negara Ideal, Pendidikan Politik

*Abstract:* The voting factor is an important element in decision-making in the elections. In the run-up to the 14th general election, support patterns on the party are based on current political culture. Voters are exposed to social media chambers that attempt to disclose

*information through cyber-information politicians. This wide-ranging container of democracy can invite sentiments and legitimacy of its legitimacy. In this regard, this study will elaborate on the importance of clear values and understanding by the voters and can be the benchmark of the party elections in the voting process as well as by looking at the voters literacy. This paper uses a library study focusing on non-material value through Ideal Country Theory by Islamic thinker Al-Farabi and Political Education Model as a pre-requisite to achieving mature political level and quantitative method applied to Kelantan voters. The findings suggest that religious values are applied in more detail in all fields and political education is applied to all citizens extensively.*

**Keywords:** *Values, Understanding, Voting Pattern, Election, Ideal Country Theory, Political Education*

---

### **Pengenalan**

Pelbagai isu berputar sekitar sistem kehidupan manusia saban hari dan permasalahan dalam hal pilihan raya tidak terkecuali. Perkara ini di hadapi hampir seluruh negara sama ada negara miskin, membangun mahupun maju. Di Amerika Syarikat, pengasas Facebook.com, Mark Zuckerberg berhadapan dengan sesi soal jawab dalam dewan parlimen. Ahli kongres mempersoalkan mengenai integriti data yang menjadi simpanan syarikat tersebut dan mengaitkan dengan isu skandal manipulasi data sebanyak 50 juta pengguna yang dibuat oleh Cambridge Analytica, Universiti Cambridge. Tujuannya berkait dengan agenda politik yang melibatkan Amerika, United Kingdom dan Kenya. Selain itu, Facebook juga berhadapan dengan serangan-serangan menerusi lamannya oleh pihak Rusia bagi tujuan kempen pilihan raya 2016 tidak lama dahulu. (BBC, 2018).

Di Malaysia, pada peringkat kepimpinan, platform penyebaran kempen pilihan raya melalui media seperti televisyen, laman sosial, radio dan laman sesawang dijadikan platform sindiran atau kecaman ke atas parti lain yang bertanding. Kebanyakan sidang kempen yang dibuat akan menyelitkan jenaka-jenaka yang mencalitkan aib parti lawan dan adakala menggunakan kata-kata kesat yang mengguris hati individu atau parti yang terlibat. Selain itu, penggunaan media sosial turut menjadi punca kerosakan imej sesuatu kempen yang dilakukan. Ruangan komen dan “share” dijadikan alat untuk melemparkan kata-kata negatif dan lebih membimbangkan fitnah secara berleluasa berlaku. Oleh sebab hal ini berleluasa, parlimen dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V telah mewartakan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang memperuntukkan denda maksimum RM500,000 dan penjara sehingga enam tahun (Hidir Reduan dan Luqman Arif, 2018).

Sebaik sahaja pembubaran parlimen, terdapat empat tahap yang akan berlangsung sehingga hari membuang undi dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) iaitu pengeluaran writ dan notis pilihan raya, hari penamaan calon, kempen dan hari buang undi. Jika dilihat tahap yang ketiga merupakan kempen pilihan raya bermula sebaik sahaja proses penamaan calon selesai. Jika melihat kepada senario di Malaysia menjelang PRU-14, bahkan kempen-kempen sebelum ini, dapat kita lihat kebanyakan parti telah berkempen seawal dari tarikh pembubaran parlimen lagi. Ini bermakna, calon atau parti telahpun melanggar peraturan-peraturan khas untuk berkempen, dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002. Hal ini menjadikan isu nilai dan kefahaman sebagai penanda aras atau kayu ukur dalam memastikan setiap individu samada parti yang bertanding mahupun pengundi mempunyai sifat dan akhlak sesuai dengan Wawasan 2020 iaitu menurut mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya

bermoral dan beretika, yang mana warganegarannya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.

### **Kajian Lepas**

Kajian-kajian mengenai keputusan pengundi dalam pilihan raya sentiasa berada pada proses kerenggangan dan tidak stabil sekiranya terdapat isu atau faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut. Terdapat banyak bukti kajian yang menunjukkan bahawa keputusan pilihan raya di Malaysia dianggap pragmatik selari dengan senario pengaruh sumber maklumat pengundi yang saban hari berubah. Kini, Barisan Nasional bukanlah sebuah parti perikatan yang boleh menjamin kedudukan mereka berada dalam zon selamat kerana Pakatan Rakyat telah berjaya menguasai pengaruh ke atas belia terutamanya menerusi penggunaan medium media elektronik iaitu media sosial seperti Facebook (Mohd Sazili et.al, 2013), Instagram, Twitter, Telegram dan lain-lain menjelang Pilihan Raya Umum ke 2008 lagi.

Kajian ke atas 300 responden di kawasan Parlimen Batu Pahat membuktikan kecenderungan pemilihan sumber maklumat memberi gambaran kepada parti pilihan pengundi (Junaidi Awang Besar, 2015) Hasil kajian mendapati majoriti pembaca akhbar arus perdana Bahasa Melayu dan penonton stesen televisyen perdana iaitu 57.4 peratus dan 70.1% memilih Barisan Nasional sebagai parti pilihan, pembaca surat khabar Tamil 50% manakala lain-lain pembaca akhbar seperti Bahasa Cina, Inggeris, genre politik dan sumber maklumat lain seperti blog, web, media sosial dan keluarga masing-masing mencatatkan peratusan tertinggi memilih Pakatan Rakyat.

Kajian lain turut membuktikan dapatan yang sama seperti kajian perkaitan sumber maklumat dan sokongan kepada parti politik (Junaidi Awang Besar 2015) Pilihan Raya Umum 2013 di Malaysia: Suatu Analisis Tsunami Politik Bandar (Junaidi Awang Besar, 2015) dan Belia dan Kelangsungan Hegemoni Barisan Nasional: Kajian Kes Pilihan Raya Umum-13 di Sabah. Kajian-kajian tersebut menekankan bahawa dinamik perubahan sumber maklumat yang diperoleh pengundi menyebabkan kegoyahan pengundi dan peralihan undian kepada Pakatan Rakyat. Ini turut meliputi belia yang umumnya pengguna media sosial tertinggi, pengaruh kawasan bandar yang mempunyai akses internet paling banyak dan isu-isu viral yang selalu dimainkan oleh pihak Pakatan Rakyat yang mempengaruhi pemikiran kelompok tersebut dalam proses pengundian.

Literatur kajian-kajian tentang identifikasi parti dikaji oleh ramai pengkaji tertumpu kepada faktor-faktor identifikasi parti bagi seseorang individu. Antaranya ialah atas sebab keluarga, etnik, agama, kawasan kejiranan dan pengaruh rakan yang menjadi sebab utama kecenderungan untuk memilih, mendaftar, mengundi, menyokong dasar-dasar dan mempunyai perasaan identifikasi yang lama terhadap parti.

Teori di atas turut disokong oleh Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002) di mana menurut mereka negara Malaysia masih lagi dianggap relevan apabila menyentuh mengenai identifikasi parti yang melibatkan etnik atau kaum. Ini adalah kerana faktor sejarah kemerdekaan di Persekutuan Tanah Melayu yang diungguli oleh kaum Melayu dan dalam pada masa yang sama didasari oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang melindungi kepentingan Bumiputera Melayu melalui Perkara 3, 152 dan 153.

Walau bagaimanapun, fenomena ini tidak berlarutan secara total. Ini adalah kerana kehidupan masyarakat kini pastinya telah berubah. Dengan media sebagai perantaraan, teknologi maklumat diperolehi hujung jari dan lebih pantas. Ini juga boleh dikaitkan dengan perubahan

yang semakin ketara apabila wujud percanggahan dengan teori di atas. Merujuk kepada satu kajian yang telah dibuat oleh Ahmad bin Ali (2015) bertajuk Pilihan Raya dan identifikasi parti masyarakat Pulau Pinang: Kajian kes Bayan Baru, hasil kajian mendapati penduduk di sana mempunyai sifat dinamik dalam menentukan pemilihan parti. Ini boleh dilihat menerusi rekod Pilihan Raya Umum 1986 hingga 2013 di mana parti yang menang dalam pilihan raya adalah silih berganti. Dasarnya, pengundi bersikap matang dan tidak mengira etnik sebaliknya memilih parti yang paling cekap dalam menangani isu setempat dan membantu kepada pertumbuhan sosio-ekonomi mereka. Kajian ini merupakan suatu anjakan yang agak bertentangan dengan teori-teori para pengkaji terdahulu.

Ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Siti Noranizahhafizah (2015) melibatkan Pilihan Raya Umum 2008 di Selangor. Hasil kajian beliau menunjukkan masyarakat Selangor di kawasan bandar memilih faktor calon, parti, ekonomi, media dan isu semasa. Berbeza pula dengan masyarakat luar bandar yang tidak berpaksikan calon. Lantaran itu, suatu fenomena yang baru (Fernando,2011) dapat dilihat kepada keputusan pengundian pada pilihan raya tersebut yang menyaksikan parti pembangkang memenangi 19 kawasan berbanding 18 kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional.

Nilai sesebuah parti dalam memastikan ketelusan, keadilan, kepimpinan dan objektif mewakili rakyat dalam sistem politik adalah sangat diperlukan oleh masyarakat (Kinder, 1998). Di Amerika Syarikat, terdapat kajian yang menekankan aspek nilai dalam politik dan kepartian. Suatu kajian dibuat berdasarkan pilihan raya umum tahun 1992 hingga 1996 dengan melihat hubungan antara kecenderungan rakyat dalam pemilihan parti dengan keadilan, cara parti menangani limitasi kerajaan, sentimen keluarga dan toleransi moral. Hasil kajian mendapati rakyat Amerika lebih mengharapkan keadilan dalam parti supaya hak dalam kehidupan mereka dapat dipenuhi dengan segera dan menukar kepimpinan bukanlah suatu yang luarbiasa (Goren, 2005)

Usaha-usaha untuk memastikan keperluan rakyat dibuat dan dari semasa ke semasa pelbagai pelan dan rancangan disusun atur agar dilaksana dengan jayanya. Ruang geografi dan lokaliti diambil kira bagi menentukan jenis keperluan dan kehendak rakyat. Teori Perbandaran oleh Richard M.Hurd menggunakan model deksriptif berbentuk bulatan. (Wan Rozali Wan Husin, 2007) Ini dijelaskan bahawa keberkesanan pembangunan sesuatu ruang haruslah bermula dari pusat bandar iaitu pola petempatan dan guna tanahnya memenuhi tahap kualliti hidup sosial yang baik kemudian bersusur galur dibangunkan hingga ke kawasan luar bandar.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan berkaitan dengan pendidikan politik atau Literasi Politik di dalam dan di luar negara. Terdapat juga kajian berasingan yang berkait tentang persepsi pilitik, kefahaman politik dan partisipasi politik yang dijadikan rujukan dalam kajian ini.

Persepsi dalam fasa paling awal sebelum berada dalam lingkungan literasi politik atau kefahaman dalam hal politik. Dalam politik, persepsi sering dijadikan modal utama sama ada untuk menyokong atau menolak sesuatu parti atau pemimpin sebelum disahkan dengan fakta menerusi penjelasan oleh pihak yang terlibat. Teori Displacement (Anjakan) dan Teori Cue (Petunjuk) oleh Donald Granberg (2016) digunakan dalam kajian mengenai hubungan pemimpin (Senator Edward Kennedy) dan persepsi (sokongan rakyat terhadap pendirian Edward Kennedy dalam isu pengguguran). Senator Edward Kennedy merupakan pemimpin Liberal Demokrasi dan beragama Kristian Katolik. Hasil kajian mendapati, apabila rakyat tidak mempunyai sebarang informasi tentang pendirian Kennedy, rakyat cenderung dengan

petunjuk-petunjuk sedia ada iaitu Parti Liberal Demokrat menyokong isu pengguguran manakala agama Kristian Katolik menolak isu pengguguran. Pada akhirnya, keputusan menyebelahi petunjuk bahawa Kennedy menolak isu pengguguran kerana beliau adalah seorang Katolik.

Terdapat juga beberapa kajian yang hampir sama sebagai contohnya kajian oleh Dewan, Torun et al. (2013) yang mengaitkan petunjuk (*cue*), karisma pemimpin politik (Mohd Azri, 2015) dan isi kandungan kempen politik. Kajian melibatkan di seluruh lokaliti di Canada menerusi kerjasama dengan British Columbian for Single Transferable Vote (BCST) yang menjalankan kempen pilihan raya dari rumah ke rumah. Dua jenis informasi dihantar menerusi “flyers” iaitu mesej berupa manifesto parti (jandungan kempen) dan informasi yang kedua ialah muka calon yang bertanding di cetak (karisma). Hasil kajian mendapati, respon memilih petunjuk dan kandungan kempen manakala karisma menjadi faktor yang paling minimum.

### **Dapatan Kajian**

Permasalahan yang timbul menjadikan kertas kerja ini akan menfokuskan mengenai kepentingan nilai dan kefahaman sebagai perkara penting sewaktu pilihan raya. Menurut Kamus Dewan, nilai membawa erti darjat, kualiti, mutu dan sifat ketinggian individu dalam aspek pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain. Manakala kefahaman pula bermaksud keupayaan (kemampuan) memahami akan sesuatu yang dipelajarinya. Ini bererti nilai dan kefahaman berada pada suatu tahap yang positif dan berkualiti. Dalam proses pilihan raya, kedua-dua elemen ini adalah penting dan bermakna bagi menjamin kesempurnaan. Sebagai contohnya, aspek kempen pilihan raya, sekiranya sesebuah parti yang bertanding membentangkan manifestonya secara bermutu dan mampu sampai ke pengetahuan pengundi secara telus, secara tidak langsung mencerminkan kredibiliti parti tersebut. Selain itu, sekiranya kempen dijalankan secara “politik bersih” tanpa merendah-rendahkan parti lawan ataupun membuka aib parti lain dengan niat untuk menjatuhkannya, ini mencerminkan kualiti pegangan agama individu yang bertanding atau menyokong parti tersebut.

### ***Teori Kenegaraan (Al Farabi)***

Menurut Teori Kenegaraan yang diperkenalkan oleh Pemikir Tersohor Timur Tengah iaitu Al Farabi, dua elemen bagi mencapai sebuah negara yang terbaik adalah dengan mempunyai ciri-ciri ummah (rakyat) yang terbaik dan pemimpin dan konsep ketua negara terbaik. Al Farabi menegaskan tentang nilai yang patut ada dalam setiap jiwa ummah yang melibatkan sikap, ideologi, sifat dan amalan harian. Nilai-nilai itu adalah:

- i. nilai-nilai akhlak yang terpuji
- ii. beriman kepada Allah
- iii. berpegang teguh kepada agama

Tiga perkara di atas merupakan faktor paling akar sekali yang harus dipegang oleh setiap rakyat iaitu kembali kepada agama dan mengamalkannya. Nilai-nilai akhlak terpuji bagi seorang Islam adalah dengan melihat kepada ajaran yang tertulis dalam kandungan Al-Quran dan Hadith. Dalam kedua kitab suci ini terkandung nilai-nilai baik yang diarahkan oleh Allah S.W.T agar dilaksanakan oleh hambanya iaitu manusia dan contoh perilaku yang harus diikuti menerusi nabi-nabi yang tertulis dalam kitab atau menerusi penyampaian-penyampaian dalam hadis mengenai sikap dan tingkah laku nabi terakhir Nabi Muhammad S.A.W. Menurut Nazneen dan Nurizatil Ismah (2015), dalam surah Al-Hujurat telah menggariskan panduan berhubungan dengan pembentukan akhlak orang yang beriman. Antaranya:

- i. kepentingan meneliti kesahihan berita
- ii. mendamaikan antara saudara seagama

- iii. larangan bersikap angkuh berprasangka dan mengumpat
- iv. ketinggian taqwa sebagai nilai dan penguatan iman.

Pandangan Al Farabi tentang nilai selari dengan situasi pada masa kini. Setiap individu perlu menjadi seorang yang patuh dan mengamalkan agama masing-masing supaya mampu memegang nilai-nilai baik yang dianjurkan oleh agama. Dalam proses pilihan raya, pengundi yang berpegang kepada nilai tidak akan sewenang-wenangnya mempercayai bulat-bulat akan sesuatu hal yang didengar atau dibaca tanpa meneliti ketepatan sesuatu fakta. Dalam laman sosial tular mengenai program MyDaftar yang memberikan kerakyatan kepada warga asing untuk tujuan pilihan raya, terdapat video yang memaparkan cubaan membawa kertas undi dari Balai Polis Manjung sebelum PRU-14 dan pesawat terbesar di dunia yang membawa 60,000 pengundi Bangladesh mendarat di KLIA?. Isu-isu ini walaupun telah dijelaskan menerusi laman sesawang Sebenarnya.my tetapi masih lagi wujud di laman sosial. Ini memberi kesan yang negatif dan mampu mencalit kredibiliti calon atau parti yang bertanding. Sama juga halnya mengenai isu air di Selangor yang mana penjelasan yang di buat oleh Menteri Besar Selangor bertentangan dengan berita yang dipaparkan di televisyen arus perdana. Permasalahan ini hampir mustahil akan terjadi sekiranya pembawa maklumat dan yang menerima maklumat merupakan individu yang jelas akan larangan menipu dan memporak perandakan rakyat.

Dalam teori ini juga mengangkat konsep ketua negara terbaik. Pemimpin yang sempurna haruslah mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang optimum. Selain itu, mempunyai nilai moral yang tinggi (Maszlee, 2014). Dalam hal ini, Al Farabi merungkai dengan lebih mendalam lagi sifat seorang pemimpin, antaranya:

- i. Tidak terikat dengan sesiapa
- ii. Mampu membuat keputusan (ijtihad)
- iii. Ketinggian ilmu agama
- iv. Mampu memerangi musuh agama dan negara
- v. Adil


Tambahan lagi, Al Farabi tidak sahaja melihat kepada elemen-elemen luaran seperti fizikal dan kebolehan pemimpin itu sendiri bahkan beliau maju setapak membincangkan unsur-unsur metafizik iaitu tentang kekuatan hati dalam tubuh badan (kekuatan Perasaan, Ingatan, Berfikir dan Kemahuan). Inilah faktor tambahan yang melayakkan seseorang itu menjadi ketua negara yang sempurna (Idris Zakaria, 1991). Penjelasan Al Farabi seiring dengan 19 prinsip negara Islam yang pernah berlaku dalam sejarah pembentukan negara Islam bersumberkan al-Quran, hadith dan *Watha'iq al Madinah* (Undang-undang Dasar Madinah) yang mengandungi 25 fasal iaitu (12) Ketua Negara mestilah dipilih dalam kalangan orang Islam yang bijak mentadbir negara yang terdiri daripada kalangan ulama dan golongan cerdik pandai. (Yahaya Jusoh, 2014)

Dalam teori Kredibiliti (Hovland et al. 1953, seperti yang dipetik dari Noor Aisyah et al. 2016). Komunikasi adalah kekuatan seorang pemimpin. Seseorang akan mudah tersentuh apabila mendengar percakapan yang menyentuh hati. Penerimaan sumber yang tepat dan dipercayai mampu menjadikan pendengar iaitu rakyat akan bertindak positif dan hidup dalam keadaan ceria.

### ***Teori Pendidikan Politik***

Teori pendidikan politik juga merujuk kepada teori sosialisasi politik atau literasi politik. Teori ini membincangkan mengenai cara rakyat mendapatkan informasi atau dididik untuk mempunyai ilmu mengenai politik. Terdapat dua bentuk pendidikan politik iaitu secara formal seperti subjek Kenegaraan seperti Pengajian Malaysia, Politik dan Strategi, Hubungan Antarabangsa atau program-program khas yang dikendalikan oleh pakar-pakar bidang politik kepada rakyat khususnya pelajar dan mahasiswa. Pendidikan secara tidak formal pula adalah menerusi penyampaian-penyampaian menerusi kempen, ucapan-ucapan, khutbah dan seumpamanya. Menurut Uthman Muiz (2000) pendidikan politik dibuat bertujuan untuk membentuk seseorang individu itu memahami politik secara teori dan pengamalan dan sekaligus memberi kesedaran tentang kepentingan dalam penglibatan politik. Penglibatan dalam politik adalah antaranya:


- i. Memberi pandangan yang komprehensif dan bermakna apabila ditanya.
- ii. Berkeinginan untuk mengubah sesuatu kepimpinan yang bermasalah
- iii. Melibatkan diri dalam aktiviti politik
- iv. Mengundi dalam pilihan raya.




**Rajah 1 : Kerangka Konsep Transformasi dalam Pola Pengundian Pilihan Raya**

Rajah 1 merupakan gambaran yang jelas bagi seseorang individu yang terlibat dalam pilihan raya. Samada calon yang bertanding mahupun pengundi yang mengundi sewaktu pilihan raya perlu mempunyai elemen Nilai dan Kefahaman dalam memastikan kesempurnaan dalam proses pilihan raya.

### Pengundi Kelantan menjelang Pilihanraya Umum Malaysia ke-14




Seramai 5027 bakal pengundi sebagai responden bagi kajian kes ini. Pemilihan ini dibuat menfokuskan 90 peratus pengundi dari luar bandar dan pengundi Melayu yang beragama Islam.






### 15.2 dapat mempertahankan agama & maruah bangsa




### 16.8 Mengutamakan kelayakan akademik yang tinggi (berijazah)



Beberapa soalan mengenai kriteria pemilihan pemimpin dan parti dalam pilihanraya dengan skala 1 hingga 4. Respondan begitu mengutamakan pemimpin beragama, memperjuangkan isu anti rasuah, alam sekitar dan menjaga kebajikan rakyat dan pemimpin yang mempunyai pendidikan yang tinggi bukanlah suatu keutamaan.

10. antara keempat-empat jenis sumber maklumat berikut, yang mana anda paling percaya?



11. adakah anda menilai semula apa yang disampaikan dalam sumber-sumber maklumat tersebut?



Soalan kedua melibatkan penggunaan sumber maklumat seperti media cetak, elektronik dan lain-lain. Peratusan tertinggi iaitu 38.2 peratus menggunakan media elektronik sebagai sumber maklumat politik mereka. Kemudian responden juga diajukan soalan yang menilai kembali pemilihan tersebut. 65.3 peratus menjawab menilai semula apa yang disampaikan oleh sumber maklumat yang diterima.

Berdasarkan kepada kedua-dua bahagian soalan di atas, dapat dilihat tahap pengundi masyarakat Kelantan yang berpegang sebahagian daripada ciri-ciri dalam Teori al Farabi iaitu mementingkan akhlak murni dan berpegang kepada nilai agama Islam.

### Kesimpulan

Sebagai rumusnya, nilai dan kefahaman tidak dapat tidak, dalam mana-mana aspek termasuklah aspek pilihan raya perlu diketengahkan kepentingannya. Bagi menjamin keharmonian dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik dan bagi memastikan ketelusan dalam sistem pilihan raya, perkara paling asas harus dititik beratkan. Menurut Mohd Zaidi

dan Mohd Sani (2015), keadilan akan tercapai sekiranya meletakkan nilai kebijaksanaan di hadapannya. Kebijaksanaan dalam menilai kesan jangka masa panjang apabila sesuatu keputusan diambil. Justeru pengkaji mencadangkan kepada pentadbir dan seluruh masyarakat agar amalan agama diterapkan dalam semua aspek kehidupan. Pada peringkat pendidikan, dimuatkan slot *Islamization of Knowledge* dalam semua subjek yang dipelajari. Bagi pelajar bukan Islam juga boleh dimuatkan slot yang menekankan hal agama dan moral masing-masing. Pada peringkat pentadbiran kerajaan dan swasta, diwujudkan usrah atau pertemuan secara berkelompok membincangkan hubungan antara hal-hal duniawi dengan agama masing-masing.

## Rujukan

- Ahmad Rizal Mohd Yusof, Mansor Mohd Noor, Arvin Tajari, Muhammad Asri Mohd Ali, Mohd Mahadee Ismail, Muhammad Shamshinor Abd Azzis dan Najihah Zainuddin. 2016. Pola Pengundian Generasi Y Menjelang PRU ke-14 di Kuala Lumpur. <http://www.aensiweb.net/AENSIWEB/rjss/rjss/2016/May/78-85.pdf> (10 Februari 2018)
- Anon. 2018. BBC News. *Zuckerberg: Facebook is in 'arms race' with Russia*. Suratkhbar dalam Talian. <http://www.bbc.com/news/world-us-canada-43719784> (11 April 2018)
- Anon. 2018. Perspektif Wawasan 2020. Pejabat Perdana Menteri. [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/22PERSPEKTIF\\_WAWASAN\\_2020.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/22PERSPEKTIF_WAWASAN_2020.pdf) (12 April 2018)
- Fernando, J.M. 2011. Pola Pengundian dan Isu-Isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12. Dlm. Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Edt.), *Pilihan raya umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hidir Reduan dan Luqman Arif. 2018. *Antiberita Tidak Benar Diwartakan*. Suratkhbar dalam Talian. <https://www.bharian.com.my> (13 April 2018)
- Idris Zakaria. 1991. *Teori Politik Al Farabi dan Masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 82.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon dan Mohd Faiz Mohd Zain. 2015. Pilihanraya Umum Ke 13: Suatu tinjauan Kritis Pola Pengundian Melayu. *Jurnal Melayu*. Bil 14 (1). <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/viewFile/9572/3370> (3 Mac 2018)
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2015. Analisis Geografi Pilihanraya Umum 1955-2013. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 11 (2): 30-42 <http://pkukmweb.ukm.my/e-bangi/papers/2012/junaidi012.pdf> (3 Mac 2018)
- Mazlee Malik. 2014. *Menuju Sejahtera Meraih Bahagia*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.
- Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud. 2015. PRU 13: Dominasi BN di Putrajaya dan Labuan. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohd Sazili Shahibi, Nurhayati Hussin, Hamka Mohd Nor dan Mohd Saufi Mohd Hanafiah (2013). Persepsi terhadap Kredibiliti Maklumat Politik di Internet dalam Kalangan Generasi Muda. *Jurnal Kepimpinan dan Pemikiran Melayu* 2013. Uitm
- Mohd Zaidi Ismail dan Mohd Sani Badron. 2015. *Good Governance: Adab-Oriented Tadbir In Islam*. IKIM. 17.
- Nazneen dan Nurizatil Ismah. 2015. *Perspektif Islam dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.

<http://conference.kuis.edu.my/irsyad/eproceeding/2015/1020-irsyad-2015.pdf> (14 April 2018)

Noor Aisyah Abdul, Che Hasniza Che Noh dan Aziz Amin. 2016. Persepsi terhadap Kredibiliti Pemimpin dan Penentuan Dimensi paling Dominan. *Journal of Bussiness and Social Development*. Volume 4. Penerbit UMT.14-24.

Yahaya Jusoh, 2014. *Sejarah Falsafah Politik dalam Islam*. Penerbit UTM Press. 172